



PELIHARALAH ADAB KETIKA MENZIARAH PESAKIT!

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

- 6) Disunatkan untuk **mendoakan orang sakit supaya cepat sembuh**, sama ada ketika melakukan ziarah ataupun tidak dan sama ada besar harapan untuk sembuh ataupun sebaliknya.

Terdapat banyak hadits *shahih* yang menyebutkan mengenai doa-doa yang boleh dibaca bagi memohon kesembuhan dan keafiatan orang sakit, antara doa yang afdhal ialah membaca doa yang diajarkan oleh Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebanyak tujuh kali kepada pesakit, nescaya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyembuhkannya:

Maksudnya: “*Aku memohon kepada Allah Yang Maha Agung, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang agung, semoga Dia menyembuhkanmu.*”

Di samping pengambilan ubat dan penggunaan peralatan perubatan, **pengubatan secara *ruqyah* (jampi) yang merupakan *sunnah* Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* juga boleh dilakukan apabila berziarah.** Di antara *ruqyah* atau dipanggil juga menawari di kalangan masyarakat kita itu adalah dengan meletakkan tangan kanan ke atas badan orang

sakit atau di tempat yang sakit dan membaca “*Bismillah*”, kemudian meniup kepadanya seraya membaca *mu‘awwidzat* (surah al-Ikhlās, surah al-Falaq dan surah an-Nas) atau doa perlindungan. Sayyidatina ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* ada meriwayatkan:

()

Maksudnya: “*Bahawasanya Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam telah meniup badan Baginda sambil membaca al- mu‘awwidzat di kala Baginda mengalami sakit yang membawa kepada kewafatannya.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Selain itu juga pesakit dianjurkan membaca doa pelindung ini dengan meletakkan tangan pada tempat yang sakit sebanyak tujuh kali yang bersumber daripada hadits Muslim:

Maksudnya: “*Aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuasaanNya daripada kejahatan yang aku dapat dan aku waspadai.*”

- 7) Dianjurkan untuk **meminta orang sakit itu mendoakan kesejahteraan dan kebaikan kita** kerana doa orang sakit adalah mustajab berdasarkan sabda Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: *“Apabila engkau datang mengunjungi orang yang sakit, maka mintalah agar dia mendoakanmu, kerana doanya (makbul) seperti doa para malaikat.”*

(Hadits riwayat Ibnu Majah)

- 8) **Berpesan kepada keluarga orang sakit atau orang yang menjaganya untuk berbuat baik, berlaku lembut dan sabar dengan karenah orang sakit dan beban ditanggung kerananya.**
- 9) **Menjaga aurat dan batas pergaulan semasa menziarahi orang sakit,** lebih-lebih lagi bagi yang bukan mahram. Harus bagi seorang perempuan menziarahi seorang lelaki yang sakit selama mana ia menutup aurat, tidak menimbulkan perkara-perkara keji, syak, fitnah dan bukan dinamakan khalwat (berdua-duaan). Sayyidatina ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* ada meriwayatkan bahawa beliau pernah menziarahi Abu Bakar dan Bilal bin Rabah *Radhiallahu ‘anhuma* yang mengalami demam panas, lalu ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* berkata:

...

()

Maksudnya: *“Wahai ayah, bagaimana yang ayah rasakan dalam diri ayah? Dan wahai Bilal, bagaimana yang engkau rasakan dalam diri engkau?”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

- 10) **Jangan bercerita tentang perkara buruk atau aib orang sakit kepada orang lain.** Hendaklah disembunyikan sebarang keburukan atau keaiban yang dilihat.
- 11) Bagi orang sakit yang tiada harapan untuk sembuh atau sedang nazak, dituntut ke atas ahli terdekat untuk **membacakan talqin atau mengajarkannya ucapan** agar kalimah tauhid tersebut menjadi ucapan terakhir sebelum dia meninggal dunia. Tidak perlu mengulang-ulang talqin jika orang sakit itu mengucapkan kalimat tauhid tersebut melainkan jika selepas mengucapkannya dia masih lagi bercakap atau menyebut perkara lain selain kalimat tauhid.

Menghadapkannya ke arah kiblat iaitu dengan membaringkannya pada rusuk sebelah kanannya dan menghadapkan mukanya ke arah kiblat. Jika sukar, baringkan dia pada rusuk sebelah kirinya dengan menghadapkan ke arah kiblat. Jika sukar juga, baringkan dia dengan menelentang dan menghadapkan muka serta telapak kakinya ke arah kiblat. Angkat sedikit kepalanya supaya mukanya menghadap ke arah kiblat.

Sunat dibacakan di sisi orang sakit itu surah Yasin dengan *jahr* dan surah ar-Ra'd dengan *israr*. *Jahr* ialah suara nyaring atau tinggi sehingga dapat didengar oleh orang lain dan *Israr* ialah suara perlahan yang hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri. Sekurang-kurang *jahr* itu ialah suara yang hanya dapat didengar oleh orang yang bersamanya. Dan sekurang-kurang *israr* ialah suara yang hanya dapat didengar oleh diri sendiri mengikut pendengaran yang biasa tanpa ada halangan untuk mendengar seperti tuli.

Sebagai kesimpulan, tuntutan menziarahi orang sakit memang mempunyai peranan dalam menandai sifat berkasih sayang , ambil peduli dan tidak camah mata di kalangan masyarakat. Di samping menghibur dan meringankan penderitaan orang sakit, dengan saling ziarah-menziarahi, ikatan persaudaraan dan sillaturrahim akan menjadi erat. Selain itu, peranan ruqyah mengikut cara Islam juga mempunyai hikmah tersendiri. Insya Allah dengan mengikut dan menjaga adab-adab yang ditetapkan, amalan menziarahi orang sakit ini akan menjadi lebih berkat. Amalan ini sangat dituntut kerana ianya boleh mengingatkan kita kepada kematian dan mengajak kepada keinsafan.